

Headline	Selangor mansuh diskaun 10 peratus bumiputera
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	30 Aug 2016
Section	Dlm Negeri
Page No	1,7
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Beli pangsapuri perkhidmatan, rumah pejabat, pejabat maya di rumah

Selangor mansuh diskaun 10 peratus bumiputera

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**
pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 29 OGOS**

MENTERI Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengesahkan diskaun 10 peratus untuk bumiputera bagi pembelian pangsapuri perkhidmatan, rumah pejabat (SOHO) dan pejabat maya di rumah (SOVO) di negeri ini akan dimansuhkan bermula 1 September ini.

Mohamed Azmin berkata, sebaliknya diskaun tersebut akan diberikan kepada semua kaum dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana.

Menurutnya, penyelarasan semula harga itu dibuat bagi membolehkan rakyat yang tergolong dalam kategori berkenaan mem-

punyai keupayaan memiliki hartanah sendiri.

"Untuk perumahan mampu milik ini sama ada pangsapuri perkhidmatan, SOHO atau SOVO atau kemudahan lain atas nama mampu milik dan kos rendah, kerajaan negeri tidak mengenakan syarat mengikut kaum.

"Kalau bicara soal kemiskinan, ia merentasi kaum dan agama manakala prinsip kerajaan negeri ialah membantu golongan berkenaan.

"Dalam soal penyelarasan semula harga jualan (pangsapuri perkhidmatan, SOHO dan SOVO mampu milik dan kos rendah) ini, ada beberapa garis panduan yang kita telahersetujui. Tetapi prinsip kerajaan negeri adalah kemiskinan tidak kenal warna ku-

lit, agama dan kaum," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk *Institusi Semifit dari Semenanjung Tanah Arab ke Yayasan Restu* di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa; Pengerusi

Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana dan Pengangkutan negeri, Datuk Teng Chang Khim.

Laporan portal propembangkang, *Malysiakini* menyebut, kerajaan PKR Selangor akan melaksanakan garis panduan pembangunan baharu bermula 1 September ini yang antara lain memansuhkan

10 peratus diskaun bumiputera bagi pembelian pangsapuri perkhidmatan, SOHO dan SOVO.

Walau bagaimanapun, menurut Chang Khim, kuota jualan hartanah sebanyak 30 peratus untuk bumiputera akan diteruskan seperti biasa.

Pada masa sama, Mohamed Azmin memberitahu, perkara tersebut tidak seharusnya menjadi isu kerana dakwanya hasrat kerajaan negeri adalah untuk memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah daripada semua kaum.

"Namun kita (kerajaan negeri) ada syarat yang perlu dipatuhi (oleh pembeli) iaitu had pendapatan isi rumah, tidak mempunyai hartanah lain dan sebagainya.

"Semua permohonan kita akan semak termasuklah dengan institusi perbankan tempatan," ujarnya.